



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (01 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **lapan (8) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Kuching (3), Meradong (3), Bintulu (1) dan Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,125 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **I. Daerah Kuching: Saringan Individu Bergejala: Tiga (3) kes (Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,118** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching kerana mengalami demam dan batuk sejak 29 Disember 2020. Kes yang bekerja dalam bidang telekomunikasi di Bandaraya Kuching sebelum itu telah mendapat rawatan di sebuah klinik perubatan swasta sebelum mendapatkan pemeriksaan lanjut dan saringan COVID-19 di hospital swasta tersebut.

Kes mula mengalami demam dan batuk sejak 29 Disember 2020 dan hanya berehat di rumah sahaja sebelum mendapatkan rawatan pada 31 Disember 2020. Saringan ujian rT-PCR kes didapati positif pada hari yang sama.

**Kes 1,119** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching kerana mengalami batuk pada 31 Disember 2020. Kes yang bekerja sebagai agen perancang insuran nyawa juga merupakan kontak serumah kepada Kes 1,118. Kes telah menjalani saringan pada 31 Disember 2020 dan didapati positif pada hari yang sama.

**Kes 1,120** pula merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 secara pandu lalu di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching kerana telah mengalami batuk dan demam pada 31 Disember 2020. Siasatan awal telah menunjukkan kes ini juga mempunyai kontak rapat dengan kes 1,118. Kes adalah seorang eksekutif jualan dan siasatan lanjut berkaitan dengan kes ini masih dijalankan.

Kesemua kes telah di hantar ke Hospital Umum Sarawak bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut. Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan kerana tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau ke negeri lain di Malaysia dan hanya berada di sekitar Bahagian Kuching sahaja. Siasatan lanjut kes ini dan pengesanan semua kontak kepada kes-kes ini sedang giat dilakukan.

## **II. Daerah Meradong: Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: Tiga (3) kes (Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,121, 1,122 dan 1,123** merupakan tiga warga tempatan (Sarawak) yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat kepada kes 1,115. Kes-kes ini merupakan ahli keluarga kepada kes 1,115 yang telah diarahkan untuk menjalani arahan kuarantin di rumah setelah pulang dari Kuala Lumpur sejak 19 Disember 2020 yang lalu. Pengesanan kes secara aktif telah dijalankan berikutan kes 1,115 didapati positif pada 29 Disember 2020 seperti yang telah dilaporkan sebelum ini.

Kesemua kes ini telah dimasukkan ke pusat kuarantin bagi tujuan pengasingan pada 29 Disember 2020 dan telah disaring pada 30 Disember 2020 dan didapati positif melalui ujian rT-PCR yang dijalankan pada 31 Disember 2020 di Hospital Sibul.

Seorang kes telah mengalami hilang rasa hidu pada 28 Disember 2020 dan seorang kes mengalami batuk pada 31 Disember 2020. Seorang lagi kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19.

Kesemua kes telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Sibul untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang mana telah mendapat jangkitan daripada kes 1,115. Siasatan lanjut kes ini dan pengesanan semua kontak-kontak kepada kes ini juga sedang dilakukan.

### **III. Daerah Bintulu: Saringan COVID-19 Sebelum Balik Ke Negara Asal: Satu (1) Kes (Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,124** merupakan seorang lelaki warganegara China yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta di Bintulu pada 30 Disember 2020. Kes merupakan seorang pekerja di sebuah kilang besi di Samalaju, Bintulu sejak tahun 2017 dan pernah balik ke China pada bulan Mac 2019.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 sebagai keperluan sebelum masuk balik ke negara China. Kes telah bersama 14 rakan yang lain telah menjalani saringan pada 31 Disember 2020 dan kes didapati positif pada hari yang sama.

Kes ini telah mengadu mula mengalami hidung berair pada 22 Disember 2020 tetapi tidak menjalani pemeriksaan lanjut.

Semasa Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu mengetahui keputusan ujian saringan kes ini pada 31 Disember 2020, kes 1,124 ini bersama 14 rakan yang lain telah pun berada di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Siasatan lanjut menunjukkan mereka telah dibawa menggunakan kenderaan syarikat ke Lapangan Terbang Miri sebelum menaiki pesawat ke Kuala Lumpur.

Kes ini telah dirujuk ke Pejabat Kesihatan Negeri Selangor untuk tindakan lanjut dan kes akan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut. Aktiviti pengesanan kontak lain kepada kes ini juga sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu.

Berdasarkan sejarah perjalanan dan pergerakan kes, kes ini merupakan kes jangkitan tempatan iaitu semasa kes berada di tempat kerja di Bintulu.

#### **IV. Daerah Miri: Saringan COVID-19 Individu Balik Dari Semenanjung Malaysia: Satu (1) Kes (Import B)**

**Kes 1,125** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Selangor) yang telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Miri dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 27 Disember 2020. Kes berasal dari Banting, Selangor adalah seorang penjawat awam yang bertugas di Miri yang telah balik bercuti ke negeri asal sejak 13 Disember 2020 yang lalu.

Kes telah masuk semula ke Sarawak dan tiba di Lapangan Terbang Miri pada 27 Disember 2020 dan telah dibenarkan menjalani arahan kuarantin di rumah memandangkan kes tinggal seorang di rumah. Kes telah diberi temujanji saringan dan pengambilan swab ujian rT-PCR pada 29 Disember 2020.

Kes telah mengalami demam pada 30 Disember 2020 dan ujian saringan kes juga telah didapati positif pada 31 Disember 2020. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan COVID-19 semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan di Selangor. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

## **B. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

**Tiada** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj kekal **1,069** orang atau **95.02%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **35** orang iaitu:

- 14 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Lapan (8) kes di Hospital Miri;
- Tujuh (7) kes di Hospital Sibul;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buluh.

Hari ini, **sembilan (9) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

## **C. RINGKASAN KES MENGIKUT DAERAH DI SARAWAK.**

Hari ini, **Daerah Meradong telah bertukar status daripada status Hijau kepada status Kuning** setelah tiga (3) kes baharu jangkitan tempatan dikesan di daerah tersebut. Daerah Kuching, Sibul, Bintulu dan Lawas kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan lapan (8) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Kuching (4), Bintulu (2), Sibul (1) dan Lawas (1). Manakala 35 daerah lain kekal berstatus hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan untuk melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 1 Januari sehingga 31 Mac 2021. Oleh itu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak memutuskan untuk **melanjutkan kuatkuasa semua Garis Panduan (SOP) yang telah digunapakai pada tahun 2020 termasuk tatacara kemasukan ke Sarawak sehingga 31 Mac 2021.**

## **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **tiga (3) kompaun** di Daerah Kuching (2) dan Betong (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **79 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (27), MPP (16), BDA (11), MD Marudi (8), DBKU (5), MD Lawas (5), MD Serian (3), MDDM (3) dan MPKS (1).

#### **4. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Hari ini terdapat sejumlah kes jangkitan tempatan yang telah dilaporkan di Daerah Kuching, Meradong dan Bintulu.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya memastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa kerana kes jangkitan COVID-19 telah berada di dalam komuniti. Jangan leka dan ambil mudah SOP.

Orang ramai juga diingatkan agar tidak memandang ringan dengan keadaan semasa di Sarawak, malah kita hendaklah sentiasa berwaspada dan menjaga diri, keluarga serta masyarakat untuk memutuskan rantaian COVID-19 khususnya pada musim perayaan.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**01 JANUARI 2020**

**5.00 PETANG**



**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

<b>Cumm. Positive Cases</b>	<b>1117</b>	<b>Total Cases still in ward</b>	<b>35</b>	<b>3.11%</b>
<b>New Cases</b>	<b>8</b>	<b>Cases in Intensive Care Unit (ICU)</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
<b>Total Samples by Individu</b>	<b>213,217</b>	<b>Intubated Cases</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>
<b>Cumm. Positive Cases</b>	<b>1125</b>	<b>Total Death Cases</b>	<b>19</b>	<b>1.69%</b>
<b>IR per 100,000 population</b>	<b>36.47</b>	<b>Recovered and discharged cases</b>	<b>1,069</b>	<b>95.02%</b>
<b>Lab. Results (PUI)</b>	<b>New</b>	<b>Cummulative</b>	<b>New</b>	<b>Cummulative</b>
<b>Negative</b>	<b>1</b>	<b>10,001</b>	<b>9</b>	<b>11,126</b>
<b>Pending Result</b>	<b>0</b>	<b>0</b>		

<b>Current Status</b>	<b>SGH Kuching</b>	<b>Hospital Sibul</b>	<b>Hospital Bintulu</b>	<b>Hospital Miri</b>	<b>Hospital Sungai Buloh</b>	<b>TOTAL</b>
<b>Patients still in ward</b>	<b>14</b>	<b>7</b>	<b>5</b>	<b>8</b>	<b>1</b>	<b>35</b>
<b>Kes di Intensive Care Unit (ICU)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Intubated cases</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Total Death Cases</b>	<b>17</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>19</b>
<b>Recovered and discharged cases</b>	<b>New</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
	<b>Cummulative</b>	<b>888</b>	<b>45</b>	<b>50</b>	<b>80</b>	<b>1065</b>
<b>Total re-admission cases (Re-tested Positive)</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>22</b>

<b>DAERAH KUNING (5)</b>												
<b>No.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Patient Under Investigation</b>		<b>Kes COVID-19</b>		<b>Kes Discaj</b>		<b>Kematian</b>		<b>Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)</b>	<b>Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari</b>	<b>Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari</b>
		<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>			
1	Meradong	3	39	3	4	0	0	0	0	4	4	3
2	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
3	Bintulu	1	335	1	56	0	50	0	0	6	6	2
4	Sibu	0	133	0	27	0	25	0	0	2	2	1
5	Kuching	4	7,530	3	734	0	711	0	12	11	13	4
<b>Jumlah</b>		<b>8</b>	<b>8067</b>	<b>7</b>	<b>833</b>	<b>0</b>	<b>797</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>24</b>	<b>26</b>	<b>11</b>

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (35)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	337	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Miri	1	921	1	66	0	58	0	1	7	8	0
3	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
5	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	1	0
7	Bau	0	189	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
11	Asajaya	0	46	0	7	0	5	0	0	2	2	0
12	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	0	0
13	Betong	0	191	0	17	0	16	0	0	1	1	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
28	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>3,059</b>	<b>1</b>	<b>292</b>	<b>0</b>	<b>272</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>14</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>9</b>	<b>11,126</b>	<b>8</b>	<b>1,125</b>	<b>0</b>	<b>1,069</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>37</b>	<b>40</b>	<b>11</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **468 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **43 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,202 orang**. Manakala seramai **46,868 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 01.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (1,783)</b>	Hock Lee	69
2		Kuching Park	75
3		Pullman	206
4		Hilton	242
5		Harbour View	109
6		Riverside (Astana Wing)	159
7		Grand Margherita	216
8		Imperial Boulevard	248
9		Tune Hotel	25
10		Dormani Hotel	39
11		Grand Continental	156
12		Meritin	38
13		Longhouse	52
14		Abell	5
15		Lot 10	47
16		Telang Usan	30
17		Imperial Riverbank	67
18	<b>Miri (764)</b>	Mega Hotel	65
19		Somerset	20
20		Imperial Palace	183
21		Eastwood Valley	63
22		Imperial New Wing	71
23		Paragon	55
24		Meritz	104
25		Miri	18
26		Dynasty	121
27		Kenyalang Suite	15
28		Citi Hotel	32
29	Nova	17	
30	<b>Bintulu (291)</b>	Wasan Inn	35
31		Fairfield by Marriot	104
32		Kidurong Inn	42
33		Motel Kapok	36
34		Faber Inn	25
35		AA Inn	17
36		Ambassador	32
37	<b>Limbang (95)</b>	Purnama	16
38		Seri Malaysia (Lawas)	60
39		Mandarin (Lawas)	19
40	<b>Sibu (96)</b>	Premier	96
41	<b>Samarahan (155)</b>	INFRA	80
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	75
43	<b>Sarikei (18)</b>	Garden Hotel	18
<b>Jumlah PUS</b>			<b>3,202</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **tiga (3) lokasi di Kuching (2) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,124 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 01.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>715</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>438</b>
3	Sibu	TIADA	201
4	Samarahan	TIADA	139
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	120
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,124</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **45 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 01.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Lundu	1
3	MP Serian	3
4	SMC	9
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
7	MD Limbang	2
8	MD Lawas	8
<b>Jumlah</b>		<b>45</b>